

27/10/1999

1,000 hadiah untuk peserta Berjalan Untuk Negara

KUALA LUMPUR, Selasa - Peserta program 'Berjalan Untuk Negara' peringkat Parlimen Lembah Pantai pada 6 November ini, berpeluang memenangi lebih 1,000 hadiah menerusi tiga cabutan bertuah.

Pengerusi program itu bagi kawasan Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Jalil, berkata cabutan pertama membabitkan peringkat zon yang akan diadakan selepas peserta tamat berjalan.

"Ini diikuti peringkat kawasan membabitkan hadiah bonanza pada hari yang sama dan peringkat ketiga pula diadakan pada peringkat kebangsaan seminggu atau dua minggu selepas pelaksanaan program di peringkat kawasan," katanya pada sidang akhbar mengenai program 'Berjalan Untuk Negara' di Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini, hari ini.

Program itu membabitkan kegiatan jalan kaki sejauh dua hingga empat kilometer serentak mengikut daerah dan kawasan Parlimen selepas majlis pelancaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tasik Titiwangsa pada 6 November ini.

Ia adalah program pertama seumpama itu yang dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan sebagai tanda sokongan rakyat terhadap usaha Malaysia menawarkan diri sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006.

Beliau berkata, kementerian juga dijangka mengeluarkan sijil penyertaan kepada orang ramai yang terbabit dalam program itu.

Seramai 12,000 peserta dijangka menyertai program berkenaan bagi Parlimen Lembah Pantai.

Parlimen Lembah Pantai mempunyai tujuh zon pendaftaran dengan lima dibuka kepada orang awam iaitu Petaling, Pantai, Bangsar, Kerinchi dan Bangsar Utama selain dua zon khusus iaitu TNB dan UM.

Shahrizat berkata, peserta juga akan berkumpul dan dilepaskan mengikut zon pendaftaran iaitu hentian komuter Petaling, Kampung Pasir dan hentian komuter Pantai Dalam (zon Petaling) manakala Kondo Rakyat, Taman Bukit Angkasa dan hentian komuter Angkasapuri bagi zon Pantai.

Tiga kawasan lain membabitkan Hankyu Jaya, Bangsar bagi zon Bangsar, Sekolah Menengah Sri Pantai (Kerinchi), pejabat wakil rakyat, Bangsar Utama pula bagi zon Bangsar Utama manakala UM dan TNB di kawasan masing-masing.

Katanya, semua peserta akan berkumpul di padang TNB selepas tamat berjalan bagi acara seterusnya.

Sementara itu, Pengurus saluran radio swasta Era, Kudsia Kahar, berkata pihaknya akan membuat lintas langsung kembali dari studio pada hari berkenaan untuk dua kawasan, iaitu Titiwangsa dan Lembah Pantai.

(END)